

04/09/2003

Projek MSC tetap bernafas segar

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) yang keseluruhannya membabitkan pelaburan kira-kira RM48 bilion bukanlah satu projek biasa, malah projek mega membabitkan pula banyak fasa. Merangkumi kawasan 750 kilometer persegi bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, ia tersedia dengan prasarana bagi memajukan teknologi maklumat dan fizikal bertaraf dunia selain disokong sistem rangkaian logistik dan telekomunikasi berkapasiti tinggi. Ini tidaklah menghairankan memandangkan MSC dibangunkan berasaskan konsep Lembah Silikon di Amerika Syarikat. Bezanya ia lebih berciri dan menggunakan tenaga mahir dan penghasilan produk tempatan.

Berikutan itulah Timbalan Perdana Menteri menolak andaian MSC akan dipinggirkan setelah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini. Dalam menolak ramalan itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meneroka lebih jauh lagi iaitu mengumumkan pelancaran fasa kedua MSC membabitkan pembangunan laman koridor membawa negara sehingga 2010. Dalam pada itu, MSC akan terus dihubungkan ke bandar raya siber lain sedang lebih ramai rakyat mula merasai impak sebenar MSC dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, penekanan yang lebih juga diberi terhadap pembangunan usahawan teknologi serta inisiatif penyelidikan dan pembangunan dalam usaha memperkukuhkan industri tempatan selain mewujudkan syarikat ICT tempatan bertaraf dunia.

Jika diukur dari segi pencapaian, kita amat berbangga kerana segala kritikan dan ramalan buruk pengkritik terbukti salah apabila sehingga Ogos lalu, 914 syarikat berstatus MSC dengan 876 daripadanya syarikat teknologi MSC, manakala 29 institusi pengajian tinggi dengan status MSC dan sembilan pula syarikat inkubator sudah pun beroperasi di Cyberjaya, sedang 21,102 peluang kerja diwujudkan. Tidak syak lagi sedang MSC terus dibangunkan ia akan menjadi lebih kompleks dan memerlukan perhatian penuh kerajaan.

Sebenarnya kebimbangan sesetengah pihak Abdullah tidak akan memberi prioriti kepada pembangunan terus MSC tidak berasas. Apatah lagi Abdullah sudah berulang kali menyatakan setiap projek dan dasar Dr Mahathir akan diteruskannya selepas peralihan pucuk pimpinan kelak. MSC adalah antara wawasan Dr Mahathir untuk membawa negara melompat ke gerbang dunia maju sambil memastikan rakyat bersedia dengan ilmu dan teknologi diperlukan. Andaian Abdullah tidak secergas dan berpandangan jauh sebagaimana Dr Mahathir tidak timbul kerana projek dan dasar terbukti bermanfaat pasti diteruskan cuma peneraju dan pelaksanaanya saja berubah.